



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

KURSUS	:	BAHASA KEBANGSAAN (A)
KOD KURSUS	:	MPU 2043
PEPERIKSAAN	:	MEI 2015
MASA	:	3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (50 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)

2. Jawab **SATU (1)** soalan dari BAHAGIAN A dan **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN B. Mula menjawab setiap soalan di muka surat baru.

3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 6 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan. Jawab **SATU (1)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

Panjang karangan anda mestilah **TIDAK KURANG** daripada 300 patah perkataan.

SOALAN 1

Anda merupakan pengerusi Persatuan Mahasiswa kolej anda. Anda dikehendaki menyampaikan ucapan alu-aluan dalam Program "Budaya Membaca, Budaya Ilmu" yang dianjurkan oleh kolej anda.

Tuliskan ucapan anda selengkapnya.

SOALAN 2

Kolej anda berhasrat mengadakan Program Kembara Ilmu yang melibatkan para pelajar dan pihak luar. Anda memerlukan peruntukan khas bagi membiayai program tersebut. Tuliskan sebuah kertas kerja yang lengkap untuk dihantar kepada pihak pengurusan kolej bagi mendapatkan kelulusan peruntukan.

(50 markah)

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Berdasarkan petikan di bawah, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.

Kecemerlangan akademik dan kokurikulum tidak akan memberikan apa-apa makna jika tidak dilengkapi sahsiah yang mulia. Hal ini dibuktikan dengan pertambahan bilangan jenayah kolar putih dan gejala sosial yang dilakukan oleh golongan terpelajar. Ilmu dan kemahiran yang dimiliki disalahgunakan untuk kepentingan peribadi. Jenayah siber misalnya, banyak dilakukan oleh golongan muda terpelajar yang mahir dalam bidang teknologi.

Kajian mengenai gejala sosial yang dilaksanakan oleh sekumpulan penyelidik terhadap para pelajar politeknik mendapati bahawa masalah sosial tetap berlaku walaupun dilaksanakan pengawalan yang tinggi oleh pihak pengurusan. Sikap penekanan kepada kecemerlangan akademik semata-mata dan pengabaian aspek pembangunan insan telah dikenal pasti sebagai punca. Golongan pelajar ini tidak diterapkan dengan nilai murni sehingga menyebabkan pembangunan diri tidak seimbang, jiwa menjadi kosong dan lebih cenderung melibatkan diri dengan pelbagai penyakit sosial sebagai pengubat hati.

Kemelut keruntuhan moral hari ini cukup membimbangkan. Statistik menunjukkan bahawa gejala sosial hari ini bukan sahaja melibatkan remaja yang keciciran, malah pelajar yang masih bersekolah dan lebih gawat lagi ada dalam kalangan mereka merupakan pelajar yang cemerlang. Hal ini sudah tentu menggusarkan para pemimpin kita yang sedang berusaha keras untuk memastikan aspirasi Malaysia mencapai taraf negara maju mengikut acuannya tersendiri menjelang tahun 2020 tercapai.

- a. Nyatakan **DUA (2)** contoh penyakit sosial yang sedang melanda remaja Malaysia hari ini.

(2 markah)

- b. Huraikan **EMPAT (4)** sebab golongan muda dan terpelajar terlibat dengan jenayah kolar putih di negara kita.

(4 markah)

- c. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak berkuasa untuk menangani gejala sosial di negara kita?

(4 markah)

SOALAN 2

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan tatabahasa. Anda dikehendaki membetulkan kesalahan ayat tersebut dan tulis semula ayat tersebut di atas kertas jawapan yang diberi.

- a. Encik Raman seorang ayah yang sangat tabah sekali dalam menempuh pelbagai dugaan hidup.
- b. Para pelawat-pelawat tidak dibenarkan masuk ke hospital itu tanpa kebenaran pihak hospital.
- c. Selain daripada berpidato, Safiyah juga seorang pelajar yang aktif dalam bidang sukan.
- d. Lirik lagu itu ditulis oleh kami petang semalam.
- e. Anggota tentera di pedalaman Sabah berjaya mengesan sepasukan pengganas yang cuba mencero boh kawasan tersebut.
- f. Puan Ziana tidak pasti sama ada hendak menghantar anaknya ke taska atau rumah jirannya kerana hujan turun tidak henti-henti.
- g. Barang yang hilang itu telah ditemui oleh Ahmad ketika dia sedang mengemas rumah.
- h. Para peserta seminar begitu tertarik akan pembentangan kajian kes yang membahaskan tentang isu cetak rompak.
- i. Senarai nama-nama penulis novel yang bakal menerima anugerah itu masih dirahsiakan oleh pihak penganjur.
- j. Dr. Azlin telah mendedahkan yang penyakit berjangkit telah mula menular di kawasan perkampungan itu.

(10 markah)

SOALAN 3

Pisahkan ayat-ayat berikut sehingga menjadi **SEPULUH (10)** ayat tunggal.

Transformasi budaya, sosial etnik dan kaum di negara ini perlu menjurus kepada pembentukan bangsa Malaysia yang mempunyai identiti, aspirasi, dan budaya yang sama. Idealisme baharu sebagai satu bangsa yang maju, bersatu padu dan setia kepada negara menjadi matlamat penting pembentukan bangsa Malaysia.

(10 markah)

SOALAN 4

Proses pengimbuhan adalah proses yang menambahkan atau menggandingkan imbuhan pada kata dasar. Dalam petikan di bawah terdapat kata dasar yang belum menerima apa-apa imbuhan bagi melengkapkan ayat yang diberi. Anda dikehendaki menambah imbuhan pada kata dasar **yang bergaris** di bawah. Anda tidak perlu menyalin semula petikan.

Dalam menuju ke arah negara maju dan rai(1) kedatangan pelancong, faktor bersih(2) tandas tidak diberi fokus khusus oleh segelintir masyarakat negara ini. Sikap memandang remeh, tidak peduli akan kelestarian sekitar(3) amatlah dikesali. Bukankah aspek kebersihan menjadi sebahagian daripada tuntut(4) agama dan juga tanggungjawab sosial yang harus penuh(5)?

Pelan strategik "kempen tandas bersih" merupakan usaha yang dijalankan kepada setiap lapisan masyarakat. Pelan strategik ini sedia(6) oleh Jabatan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama pintar melibatkan agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan bagi menangani masalah tandas kotor di seluruh pelosok negara. Pihak kuasa(7) tempatan akan menjalankan selia(8) dari semasa ke semasa untuk pasti(9) tandas berfungsi dengan baik bagi kemudahan orang ramai.

Bersempena dengan sambutan "Hari Tandas Sedunia" peringkat kebangsaan, pihak berkuasa tempatan dan sokong(10) masyarakat haruslah

bersatu menggerakkan tiga komponen, iaitu perubahan sikap pengguna sendiri, pengurusan yang baik dan reka bentuk tandas yang lengkap dalam jangka masa panjang. Mereka harus meningkatkan kesedaran sivik serta etika yang baik ketika menggunakan tandas agar sentiasa selesa dan bersih.

(Disesuaikan daripada rencana "*Kempen Tandas Bersih*",

Dewan Masyarakat, Bil. 11, 2014

(10 markah)

SOALAN 5

Tulis **SATU (1)** ayat majmuk berdasarkan kata hubung yang diberi.

- a. dan
- b. manakala
- c. yang
- d. bahawa
- e. agar
- f. untuk
- g. sekiranya
- h. dengan
- i. walaupun
- j. sehingga

(10 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

